Suara dari Tanah Suci:

Khutbah Jumaat dari Masjidil Haram

Oleh: Faḍīlah Shaykh Abdullah Khiyāṭ

Imam Besar Masjidil Haram

Al-ḥamduli'Lāh alladhī aghzana bi al-Islām, aḥmaduhu, subḥānahu wahuwa ṣāḥibu alfaḍlu wa al-an'ām, wa ashhadu an lā ilaha illā Allāh waḥdahu lā sharīka lahu, wa ashhadu anna saiyidinā Muḥammadā 'abduhu wa rasūluhu saiyidi al-anām, Allāhumma ṣalli wa sallam 'ala 'abdika warasūlika Muḥammad, wa 'ala alihi waṣaḥbihi ... amma ba'du fayā 'ibād Allāh ittaqū Allāh!

Terjemahan: Wahyu Qalam

Wahai sekalian hamba Allah, takutilah kamu akan Allah!

Di antara konsep-konsep hidup-hidup mulia yang harus dan mesti dimiliki oleh seseorang Muslim, ialah konsep menghormati diri sendiri, supaya orang memandang hormat kepadanya, memuliakan diri sendiri, supaya orang memandang mulia kepadanya. Kehormatan dan kemuliaan diri itu tidak akan dapat dimiliki oleh seseorang, melainkan setelah diadanya penuh dengan keimanan dan hatinya mempunyai pegangan akidah yang teguh terhadap Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*.

Apabila seseorang Muslim itu telah sanggup menjaga diri dan peribadinya, sehingga ia merasa bangga dengan sifat-sifat kemuliaan yang ada pada dirinya, dengan sebab kuat iman dan teguh akidahnya, nescaya dengan sendirinya ia akan hidup sebagai seorang yang mulia dan terhormat, ia tidak akan melakukan perbuatan-perbuatan yang menjatuhkan maruahnya, atau menghina taraf kedudukannya sebagai seorang Muslim. Malahan ia sanggup melawan kemahuan hawa nafsu yang akan membawanya jatuh tercebur ke jurang kecelakaan.

Seseorang Muslim yang teguh iman dan akidahnya, jiwanya sentiasa bersih dan hatinya selalu suci. Kalau pada suatu ketika jika dirasanya dirinya mulai menyeleweng daripada dasar-dasar iman dan akidah yang dianutinya, maka datanglah pertunjuk dan hidayah dari Allah untuk menyekat jalan yang menuju kepada pintu penyelewengan itu. Terbayanglah di dalam ingatannya sabda Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* yang berbunyi: **"*Fa laqad aṣabtu dhanban fa ṭahhirnī*"** maksudnya: "Sesungguhnya aku telah berdosa, maka Tuhan telah menyucikan diriku daripada dosa itu (dengan hidayah dan pertunjuk-Nya)."

Setiap penyelewengan yang dilakukan oleh seseorang Muslim itu, bererti ia telah tewas di dalam menegakkan kebenaran. Apabila hak dan kebenaran itu tidak dapat ditanamkan ke dalam jiwa seseorang Muslim, maka hidupnya akan jadi terhina, dan ini menunjukkan ia adalah seorang Muslim yang kurang iman dan akidah kepercayaannya tidak teguh.

Wahai *ikhwān al-Muslimīn*:

Tunduk dengan secara membuta tuli kepada seseorang penyeleweng agama, menyerahkan pucuk pimpinan kepadanya dan mematuhi segala perintahnya yang bertentangan dengan dasar-dasar iman dan akidah, kerana mengharapkan sesuatu daripadanya, atau lantaran takut kepada kekuasaannya, maka ini tidaklah harus dilakukan oleh seorang Muslim. Orang Muslim yang sebenarnya mestilah bersifat tegas, berani dan tidak gentar menghadapi sebarang cabaran. Allah telah menjadikan seorang Muslim itu supaya hidup mulia, ia dilahirkan bebas daripada segala belenggu perhambaan terhadap sesama makhluk. Ia hanya dibenarkan untuk memperhambakan diri kepada Tuhan yang Maha Esa sebagaimana

firman-Nya di dalam surah al-An'ām ayat (164):

"Qul aghayra Allāhi abghī rabban wa huwa rabbu kulli shay'". Ertinya: "Katakanlah! Adakah patut saya mengkehendaki Tuhan selain daripada Allah, Dialah Tuhan tiap-tiap sesuatu (sekalian makhluk)" dan seperti firman-Nya lagi di dalam surah al-An'ām ayat (162): ***"Qul inna ṣalātī wa nusukī wa maḥyāya wa mamātī lillāhi rabbi al-'ālamīn".*** Ertinya: "Katakanlah! Sesungguhnya sembahyangku, ibadahku, hidupku dan matiku terserah kepada Allah Tuhan semesta alam".

Barang siapa yang terkeluar daripada dasar-dasar ini, maka bereti[1] ia sengaja menceburkan dirinya ke lembah kehinaan, setelah ia berada di mahligai kemuliaan. Ia termasuk di dalam golongan orang-orang Muslimin yang lemah imannya. Orang-orang yang seperti ini tidak diakui oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* sebagai umatnya, sebagaimana sabdanya yang bermaksud: "Barang siapa yang mendatangkan kehinaan daripada dirinya sendiri, taat kepada seseorang (yang menyuruh melakukan kemunkaran) dengan tidak dipaksa maka ia itu bukanlah daripada golongan kami". Demikian pula keadaannya dengan orang-orang yang menyerahkan pucuk pimpinan kepada seseorang pemimpin yang fasad, serta reda mentaati akan perintah-perintahnya yang salah itu, maka mereka termasuklah juga di dalam golongan orang-orang yang tidak diakui oleh Rasulullah sebagai umatnya. Orang-orang ini dianggap oleh Islam sebagai orang-orang yang berjiwa rendah, dan masyarakat pula menganggapnya sebagai orang yang lemah peribadinya. Rasulullah sendiri menganggap mereka itu dari golongan orang yang tidak mempunyai peribadi langsung, kerana sifat-sifat yang ada pada mereka itu tidak merupakan sifat-sifat yang mesti ada pada jiwa orang-orang Muslimin yang kuat iman dan teguh akidahnya.

Dalam soal ini Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* telah menerangkan dengan sejelas-jelasnya di dalam suatu hadith yang berbunyi: ***"Lā yakun aḥadukum imma'atan yaqūlu anā ma'a al-nās, in aḥsana al-nāsu aḥsantu wa in asā'ū asa't".*** Ertinya: "Janganlah ada di antara kamu yang jadi pengekor (pak turut), dengan berkata: 'Saya bersama-sama orang lain, kalau orang-orang itu berbuat baik saya pun berbuat baik dan kalau orang-orang itu berbuat jahat maka saya pun pun[2] berbuat jahat juga."

Hadith ini melarang seseorang Muslim itu menjadi pak turut, kerana orang-orang yang bersifat pak turut itu dianggap oleh Rasulullah sebagai orang yang tidak mempunyai pendirian, tanpa peribadi, tetapi baginda mahukan setiap orang Islam itu berbuat baik bersama-sama dengan orang-orang yang melakukan kebaikan dan menjauhkan diri daripada orang-orang yang melakukan kejahatan. Ini tidak akan dapat dilakukan melainkan apabila dada seseorang Muslim itu dipenuhi dengan iman dan keyakinan di hatinya tertanam akidah dan kepercayaan yang teguh tak bergoncang.

Sidang Jumaat yang mulia:

Kalau saudara-saudara sekalian ingin menjadi seorang Muslim dalam erti kata yang sebenarnya, maka saudara haruslah mempunyai akidah yang teguh, iman yang kuat. Akidah dan iman yang tidak akan dapat digoncang-goncang oleh badai dan taufan, akidah dan iman yang sanggup menempuhi cabaran zaman.

Kalau saudara-saudara sekalian mahu menjadi seorang Muslim yang mulia dan terhormat, saudara-saudara harus mempunyai peribadi yang gagah, berpendirian tetap, bukan bersifat *mudhabdhib* dan tidak mempunyai dasar hidup yang tegas. Jauhi diri daripada menjadi pak turut, jangan diterima sesuatu pendapat yang tidak sesuai dengan ajaran-ajaran agama dan jangan ditaati segala perintah-perintah yang bertentangan dengan hukum-hukum Islam.

Di dalam jiwa manusia yang tidak beriman itu tertanam sifat-sifat kebuasan hawa nafsu dan tujuan-tujuan yang jahat. Manusia yang tidak mempunyai akidah yang teguh itu sering kali melakukan perbuatan-perbuatan yang membawa kepada kesesatan. Manusia yang mempunyai iman dan akidah yang teguh tidak seharusnya menjadi pak turut dalam melakukan sesuatu perbuatan yang salah. Segala kesalahan dan perbuatan-perbuatan munkar yang dilakukan oleh orang lain jangan sekali-kali dicampuri dengan iman dan akidah

[1] Perkataan sebenar ialah bererti.

[2] Pengulangan perkataan 'pun' dalam teks.

yang teguh itulah dijadikan perisai untuk melawan dan menangkis segala angkara mereka yang cuba datang hendak menyerang dan meruntuhkan benteng iman dan akidah saudara-saudara.

Kalau segala cabaran-cabaran ini dapat saudara-saudara tangkis, dapat saudara-saudara lawan dengan bersungguh-sungguh, maka saudara-saudara jangan bimbang, jangan gentar menghadapi cabaran hidup, saudara-saudara akan menjadi seorang Muslim yang mempunyai peribadi teguh, mempunyai pendirian yang tak mungkin digoncang-goncang. Saudara-saudara akan mendapat hidayah dan pertunjuk dari Allah dan pada ketika itu saudara-saudara akan sanggup menentang segala rupa pancaroba yang akan menghancurkan masa depan saudara-saudara. Semuanya ini akan saudara-saudara hadapi dengan hati yang tenang dan sabar. Saudara-saudara akan menjadi seorang pejuang Islam yang benar-benar ikhlas mempertahankan konsep dan akidah yang dibawanya. Saudara-saudara akan rela mati untuk memperjuangkan kesucian dan kemuliaan Islam.

Wahai sekalian kaum Muslimin!

Demi untuk menanam rasa keimanan terhadap Allah *Subḥānahu wa Ta'ālā*, kita seharusnya berpandu kepada sikap Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* yang begitu tegas membela dan mempertahankan agama Allah yang dibawanya. Ini dapat kita tinjau di dalam lembaran sejarah Islam. Di kala ayahanda saudara Rasulullah Abū Ṭālib ditemui oleh pembesar-pembesar Quraysh menawarkan harta dan pangkat Kebesaran kepada baginda, supaya baginda memberhentikan tugasnya menyiarkan seruan Islam kepada penduduk-penduduk di Kota Makkah, dengan nada suara yang penuh dengan rasa keimanan baginda menolak permintaan ketua-ketua Quraysh itu dengan mengatakan:

"Yā 'amm! Wallāh, law waḍa'ū al-shamsa fī yamīnī wa al-qamara fī yasārī 'alā an atruka hādhā al-amra ma taraktuh, ḥatta yuẓhirahu Allāhu aw ahlika fīhi.". Maksudnya: "Wahai pamanku! Demi Allah, jika sekiranya mereka meletakkan matahari di sebelah kananku dan bulan di sebelah kiriku, dengan maksud supaya aku meninggalkan urusan ini, tidaklah aku akan meninggalkannya, sehingga Allah memberikan kemenangan ataupun aku dibinasakan-Nya dalam urusan-urusan memperkembangkan agama ini."

Lihatlah betapa tegasnya pendirian Rasulullah membela dan mempertahankan agama Allah. Baginda tidak memandang harta dan pangkat kebesaran, apa yang telah diperintahkan Allah kepadanya itulah yang dijalankannya dengan penuh rasa kepercayaan, bahawa segala perjuangannya menegakkan agama Allah di muka bumi ini pasti akan berjaya. Pendirian yang setegas ini tidak akan tertanam di dalam jiwa seseorang Muslim selagi imannya bergoncang dan akidah kepercayaannya terhadap Tuhan tidak teguh.

Wahai sekalian hamba Allah!

Takutilah kamu akan Allah! Contohilah semangat perjuangan yang telah ditunjukkan oleh Rasulullah *ṣallā Allāhu 'alayhi wa sallam* di dalam membela kesucian Islam yang cuba hendak dinodai oleh kaum *kuffār* Quraysh. Perjuangan-perjuangan yang dilancarkan oleh baginda bukan sahaja dengan perkataan dan teori tetapi dengan amalan dan praktikal.

Setiap orang Muslim hendaklah berbangga lantaran ia telah dijadikan Tuhan sebagai seorang Muslim yang kuat imannya dan teguh akidahnya. Apabila seseorang Muslim itu dadanya telah dipenuhi oleh rasa keimanan yang mendalam dan akidah yang tidak bergoncang, maka jiwanya tidak akan mudah dipengaruhi dan peribadinya tidak akan dapat dijual beli dengan harga yang setinggi-tingginya oleh orang lain. Ia selamanya akan berdiri di atas landasan dasar fahaman dan polisi yang dianutinya. Ia tidak akan mudah menjadi pak turut dengan meniru-niru orang lain dan sanggup menceburkan diri ke jurang kehinaan dengan mengatakan: "Saya bersama-sama orang lain, kalau orang itu berbuat baik, maka saya pun berbuat baik dan kalau-kalau orang itu berbuat jahat, maka saya pun berbuat jahat juga."

Terutama sekali sikap tegas dan teguh pendirian ini hendaklah ditanamkan dengan sedalam-dalamnya ke jiwa pemimpin-pemimpin bangsa dan penganjur-penganjur rakyat yang mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap sesuatu bangsa yang di bawah pimpinannya, agar mereka tidak mudah menyeleweng daripada dasar atau konsep perjuangannya. Kerana setiap

Khutbah Jumaat . . .

pemimpin bangsa dan penganjur rakyat yang imannya lemah, akidahnya tidak teguh dan pendiriannya tidak tetap, maka ia dengan mudah dapat diperjual beli oleh musuh-musuhnya.

A'ūdhu billāhi mina al-shayṭāni al-rajīm

"*Yā ayyuhā alladhī*[3] *amānū aṭī'ū Allāha wa rasūlahu wa lā tawallaw 'anhu wa antum tasma'ūn, wa lā takūnū ka alladhīna qālū sami'nā wa hum lā yasma'ūn – inna sharra al-dawābbi 'inda Allāhi al-ṣummu al-bukmu alladhīna lā ya'qilūn.*" "Ertinya "Wahai orang-orang yang beriman! Taatilah Allah dan rasul-Nya, janganlah kamu menghindarkan diri (berpaling) daripadanya, sedang kamu mendengar (ayat-ayatnya). Janganlah kamu seperti orang-orang yang berkata: 'Kami telah mendengar', tetapi mereka tiada mendengar (ayat-ayat Allah). Sesungguhnya sejahat-jahat makhluk yang melata di muka bumi di sisi Allah ialah yang pekak dan bisu, tiada memikirkan sesuatu apa."

Nafa'anī Allāhu wa iyyākum bi hudā kitābih, aqūlu qawlī hādhā wa astgahfiru Allāha al-'aẓīmi lī wa lakum, wa li sā'iri al-muslimīna min kulli dhanbi fa astaghfirūhu innahu huwa al-ghafūru al-raḥīm.

Dipetik daripada:

Akhbar *al-'Ālam al-Islāmī.*

BUKU BARU SUDAH SIAP

ISLAM

PEMELUK DAN ULAMA-NYA

*MENGANALISA dengan tegas tentang kejahilan Pemeluk2 Islam ter-hadap hukum ugama yang mereka anuti, sa-hingga mereka menjadi suatu ummat yang mundur di-dunia ini

*MENGUPAS dengan panjang lebar tentang kelebehan, kemantapan dan keindahan undang2 Islam chiptaan Tuhan dari undang2 dunia chiptaan manusia.

*MENENTANG dengan keras ka-atas orang2 yang menda'wa hukum2 dalam Shari'at Islam itu tidak sesuai lagi di-praktekkan dalam zaman moden ini.

*MENGKERITIK dengan terus terang terhadap Pemembesar2 Negara, Pemimpin2 Islam dan Para Ulama'-nya yang tidak mahu bertanggong-Jawab menegakkan sa-buah negara yang berchorak Islam.

*TEBAL-NYA 175 muka, berkulit tebal warna warni. Di-chetak dalam huruf rumi dengan menggunakan jalan bahasa yang mudah di-faham oleh semua golongan masharakat.

Harga Sa-buah $3.00

Pos 20 sen.

Pesan-lah kapada:

QALAM

8247, Jalan 225,

Petaling Jaya,

Selangor..

[3] Perkataan sebenar ialah *alladhīna*.